

19 MAR 2001

MBM-Mapen

MBM:PERAKUAN MAPEN II PERLU DISERTAKAN DLM PEMBENTANGAN RMK-8 DAN PJP 3

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Pembentangan dua dasar utama negara iaitu Rancangan Malaysia Ke-lapan (RMK-8) dan Pelan Jangka Panjang Ketiga (PJP-3) pada persidangan Dewan Rakyat kali ini perlu disertakan dengan perakuan-perakuan Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), kata Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Saifuddin Abdullah.

Katanya ia bertujuan mengelak pihak tertentu menuduh Mapen II tidak berfungsi atau kerajaan tidak menerimapakai perakuan Mapen II itu.

"Mana-mana perakuan Mapen II yang dimasukkan dalam kedua-dua dasar utama negara itu juga perlu dinyatakan rujukannya dengan jelas. Jika tidak, tidak diketahui perakuan mana yang diterimapakai oleh kerajaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya laporan Mapen II itu dilaporkan telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November lepas.

Katanya bagi membuktikan Mapen II telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan serius dan tidak mungkin perakuan-perakuan Mapen II itu semuanya tidak diterimapakai, adalah penting agar mana-mana perakuannya yang dimasukkan ke dalam ke dua-dua dasar utama itu dinyatakan rujukannya.

Selain itu, Saifuddin berkata MBM juga mahu setiap anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara menghadiri sepenuhnya persidangan kedua-dua Dewan tersebut untuk membahas dan meluluskan dua dasar utama negara itu.

"Kita juga berharap mereka akan menyertai secara aktif perbahasan kedua-dua dasar utama negara ini dengan serius, penuh persediaan dan profesional," katanya.

Beliau berkata sikap tidak menghadiri persidangan tanpa sebab yang munasabah, tidak menyertai perbahasan, berbahas tanpa persediaan fakta dan hujah yang sempurna atau terlalu mengikut kepentingan parti politik seperti yang sering berlaku sebelum ini, perlu dielakkan.

Katanya kedua-dua dasar itu perlu dibentang dan dibahaskan dengan serius kerana kedua-duanya mempunyai kesan langsung yang mendalam terhadap usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

-- BERNAMA

NHA DC LAT